


Bab 4, 5, 6 Buku Catatan Pertama, Lejar, Imbangan Duga

Kitaran Perakaunan



Buku Tunai -> Semua urus niaga yang melibatkan tunai/bank(cek)

Format:				Buku Tunai			
Tarikh	Butir	Folio Dis. Diberi Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Folio Dis diterima Tunai	Bank

Contoh:

Jan 1. Tunai di tangan RM1000 dan bank RM2300.

3 Belian dengan cek RM400.

4 Jualan dengan tunai RM2000.

5 Bayar gaji dengan cek RM3000.

6 Bayar upah dengan tunai RM400.

7 Bayar sewa dengan cek RM1300.

9 Terima komisen dengan cek RM4500.

12 Terima dividen dengan cek RM500.

16 Bayar Angkutan dengan tunai RM340.

18 Bayar belanja am dengan tunai RM600.

19 Mengeluarkan wang RM400 dari bank untuk kegunaan perniagaan.

20 Terima faedah dengan tunai RM6900.

21 Bayaran kepada T. Rex RM750 dengan tunai setelah menolak diskaun sebanyak RM30.

24 Terima cek RM900 daripada Godzilla untuk menjelaskan hutangnya sebanyak RM1000.

26 Memasukkan tunai RM700 ke dalam bank.

Jurnal Khas -> Barang Niaga secara Kredit

Jurnal Belian, Jualan, Pulangan Jualan, Pulangan Belian

Format: Jurnal Belian (Jualan/Pulangan Jualan/Pulangan Belian)

Tarikh	Butir	Folio	No. Dokumen	Jumlah
X	Nama Akaun Belum Bayar/Terima			Nilai bersih
X				
31				Jumlah jurnal

Contoh:

Jan 2. Belian daripada Superman RM9000, No. Dokumen B001.

4 Jualan kepada Batman RM5800, No. Dokumen J001.

6 Belian daripada Ultraman RM13000, No. Dokumen B002, 10% diskaun niaga.

8 Jualan kepada Antman RM16000, No. Dokumen J002, 15% diskaun niaga.

10 Pulangan belian kepada Superman RM460, No. Dokumen PB001.

12 Pulangan jualan daripada Batman RM320, No. Dokumen PJ001.

14 Pulangan belian kepada Ultraman RM870, No. Dokumen PB002, 10% diskaun niaga.

16 Jualan kepada Ironman RM12000, No. Dokumen J03, 5% diskaun niaga.

18 Pulangan jualan daripada Antman RM1300, No. Dokumen PJ002, 15% diskaun niaga.

Jurnal Am

Format: Jurnal Am				
Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit

1. Catatan permulaan
2. Ambilan Aset Bukan Semasa dan barang niaga
3. Belian & Julan Aset Bukan Semasa secara kredit
4. Membawa masuk Aset Bukan Semasa sebagai Modal Tambahan
5. Catatan Penutupan

Contoh:

1. Pada 1 Mac 20X9, baki-baki aset dan liabiliti adalah berikut:

Kenderaan	28000	Pinjaman	25000
Perabot	13000	Overdraf bank	3000
Stok	2900	Akaun Belum Terima	6800
Tunai	4800	Akaun Belum Bayar	3900

2. Pada 3 Mac 20X9, Pemilik mengambil perabot bernilai RM200 untuk kegunaan sendiri.
3. Pada 5 Mac 20X9, pemilik mengambil stok bernilai RM300 untuk keluarganya.
4. Pada 7 Mac 20X9, pemilik menjual kenderaan berharga RM5000 secara kredit kepada Ranger Sdn Bhd.
5. Pada 9 Mac 20X9, pemilik membeli perabot berharga RM2300 secara kredit daripada Mojojojo Sdn Bhd.
6. Pada 12 Mac 20X9, pemilik membawa masuk kenderaan bernilai RM21000 ke dalam perniagaan.
7. Pada 31 Mac 20X9, pemilik memindahkan baki Akaun Komisen Diterima RM2000 ke dalam Akaun Untung Rugi.

Buku Tunai Runcit

Tujuan: Mengelakkan daripada banyak catatan dalam Buku Tunai.

Merekodkan belanja yang kecil dibayar dengan cek.

Sistem Panjar-> Melibatkan pembayaran balik tunai yang telah dibelanjakan pada akhir tempoh sebagai dana tunai runcit pada tempoh hadapan.

Juruwang runcit-> Mengurus dan rekod bayaran tunai runcit.

Ketua juruwang-> Memberikan sejumlah wang kepada juruwang runcit pada awal bulan.

Format: Buku Tunai Runcit										
Tarikh	Butir	Folio	No.Baucar	Debit	Kredit	Analisis Bayaran				
						Alat Tulis	Pos	Belanja Am	Tambang	Pelbagai


Contoh: Kedai Buku Spangebobb mengamalkan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar. Ketua juruwang memasukkan RM300 ke pajar runcit pada awal bulan iaitu 1 Mac 20X9. Berikut adalah urus niaga penerimaan dan penggunaan wang bagi Kedai Buku Spangebobb pada bulan Mac 20X9.

Tarikh	Urus Niaga	RM
Mac 4	Pos laju.	34
8	Pengangkutan teksi ke SSM	44
11	Kertas warna dan gunting	9
16	Surat berdaftar	12
19	Bayaran Tol	50
22	Makanan untuk staf	23
25	Staf meminjam wang dari juruwang	120

Sediakan Buku Tunai Runcit dengan lajur Alat tulis, Belanja Am, Belanja Perjalanan, Pos dan Pelbagai.

Lejar (Akaun)

~Perlu menggunakan Sistem Catatan Bergu, iaitu 1 akaun debit, 1 akaun akan dikreditkan dengan amaun yang

Lejar Khas  Lejar Akaun Belum Terima (Jualan) sama.
Lejar Akaun Belum Bayar (Belian)

Lejar Am Semua Akaun lain

Format:						
Dt.		Akaun XXX			Kt.	
Tarikh	Butir	Folio	Amaun	Tarikh	Butir	Folio Amaun

DEAD CLIC (Debit: Expenses, Asset, Drawing. Credit: Liability, Income, Capital.)

Debit: Aset, Belanja, Ambilan **DABA** Datuk Akan Bayar Adik

Kredit: Liabiliti, Hasil, Modal **KLHM** Kos Lewat Hadir Masjid

Imbangan Duga -> Senarai baki debit dan baki kredit diambil daripada lejar

Fungsi: ~ Semakan Sistem Catatan Bergu sama ada dipathui dalam rekod urus niaga.

~ Penyediaan Penyata Kewangan dipermudahkan.

~ Semakan ketepatan pengiraan dalam Buku Catatan Pertama dan lejar.

~ Semakan ketepatan proses pemindahan daripada Buku Catatan Pertama ke dalam Lejar.

Format: Imbangan Duga pada 31 Disember 20X9		
Butiran	Debit	Kredit

Kekangan dalam Imbangan Duga-> Kesilapan Tidak Ketara (Rujuk Nota Bab 9)

Contoh berdasarkan urus niaga di buku tunai (muka surat 1):

Sediakan Akaun yang berkaitan dan Imbangan Duga.

Sistem Penilaian Inventori

Sistem Inventori Berkala

- ~ Inventori dikira secara fizikal.
- ~ Rekod inventori tidak terperinci.
- ~ **Kad inventori** disediakan.
- ~ Kos inventori hanya ditentukan pada akhir tempoh perakaunan.
- ~ Diamalkan oleh perniagaan berskala kecil/ sederhana.
- ~ Untung/Rugi perniagaan kurang tepat.
- * Penilaian inventori akhir adalah berdasarkan nilai terendah antara harga kos dengan harga pasaran.

Sistem Inventori Berterusan

- ~ Gerakan inventori dicatatkan secara berterusan dalam lejar inventori.
- ~ Rekod inventori disimpan secara terperinci.
- ~ Rekod seperti kuantiti, kos seunit, jumlah belian senang dikena pasti berdasarkan rekod sistem yang kemas kini.
- ~ Biasanya digunakan oleh perniagaan pasar raya besar.
- ~ Untung/Rugi perniagaan lebih tepat.

Format:

Kad Inventori: Baju (M size)

Bil.	Tarikh	Dokumen	No. Dok	Masuk			Keluar			Baki		
				Kuantiti	Harga	Amaun	Kuantiti	Harga	Amaun	Kuantiti	Harga	Amaun

Contoh:

Berikut adalah baki inventori Kedai Mesin Ayaya pada 1 Julai 20X9:

Kad inventori: Mesin Modal M2

Bil.	Tarikh	Dokumen	No. Dok	Masuk			Keluar			Baki		
				Kuantiti	Harga	Amaun	Kuantiti	Harga	Amaun	Kuantiti	Harga	Amaun
	20X9 Jul 1.									20	1400	28000

Kedai Mesin Ayaya menjalankan perniagaan jual beli mesin dan melibatkan dokumen-dokumen seperti berikut:

Salinan					No.: A239				
INVOIS									
Kedai Mesin Ayaya									
86 Jalan Kuching, 52100 KL. Tel: 03-87871234									
					Tarikh: 9 Julai 20X9				
Kepada:									
Pooi Sdn Bhd 298, Jalan 4A, 46400 PJ, Sel.									
Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)					
1	Mesin M2	10	1 800	18 000					
Tolak: Diskaun niaga 5%				-					
Jumlah				18 000					
Ringgit: <u>Lapan belas ribu sahaja</u>									
Syarat: 5% 10 hari, 2% 20 hari									
Serahan: Angkutan dibayar K. & K. di K.									
<u>Lim</u>					<u>Aya</u>				
(Penerima)					(Pengurus)				

Asal					No.: 523V				
INVOIS									
Kilang Mesin Hii									
Kawasan Perindustrian Bolton, 68000 Batu Caves, Sel. Tel: 03-91917231									
					Tarikh: 14 Julai 20X9				
Kepada:									
Kedai Mesin Ayaya 86 Jalan Kuching, 52100 KL.									
Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)					
1	Mesin M3	3	2 100	6 300					
Tolak: Diskaun niaga 5%				-					
Jumlah				6 300					
Ringgit: <u>Enam ribu tiga ratus sahaja</u>									
Syarat: 5% 10 hari, 2% 20 hari									
Serahan: Angkutan dibayar K. & K. di K.									
<u>Aya</u>					<u>Hii</u>				
(Penerima)					(Pengurus)				

Memo
Kedai Mesin Ayaya
 86 Jalan Kuching,
 52100 KL.
 Tel: 03-87871234 Tarikh: 20 Julai 20X9

Perkara:
 Pengurus telah mengambil sebuah mesin M3 bernilai RM2100 untuk kegunaan promosi.

Ayaya
 (Pengurus)

Salinan No.: NK069

NOTA KREDIT
Kedai Mesin Ayaya
 86 Jalan Kuching,
 52100 KL.
 Tel: 03-87871234 Tarikh: 29 Julai 20X9

Kepada:
 Pooi Sdn Bhd
 298, Jalan 4A,
 46400 PJ, Sel.

Akaun tuan/puan telah dikreditkan seperti berikut:

Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Mesin M2 dipulangkan kerana rosak.	2	1 800	3 600
Jumlah				3 600

Ringgit: Tiga ribu enam ratus sahaja

Syarat: 5% 10 hari, 2% 20 hari

Ayaya
 (Pengurus)

Harga pasaran mesin adalah berikut:

	RM
M2	1,800
M3	2,000

Sediakan kad inventori dan buat penilaian inventori akhir pada 31 Julai 20X9.

Akaun Kawalan

~ Jumlah urus niaga yang berkaitan dengan Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar dalam akhir tempoh perakaunan.

~ Jualan tunai dan belian tunai tidak rekod di sini.

~ Fungsi: 1. Membantu peniaga mengesan kesilapan apabilaimbangan duga tidak seimbang.

2. Menghitungkan jumlah baki keseluruhan Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar supaya dapat memastikan semua catatan dalam Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar adalah tepat.

~ Biasanya Akaun Kawalan Belum Terima berbaki debit kerana ia adalah Akaun Aset. Ia akan berbaki kredit sekiranya terdapat pulangan barang niaga atau diskaun diberi setelah pelanggan menjelaskan hutang.

~ Biasanya Akaun Kawalan Belum Bayar berbaki kredit kerana ia adalah Akaun Liabiliti. Ia akan berbaki debit sekiranya terdapat pulangan barang niaga kepada pembekal atau diskaun diterima setelah hutang dijelaskan.

~ Terdapat beberapa kesilapan tidak dapat dikesan walaupun Akaun Kawalan disediakan, iaitu:

a) Ketinggalan catatan dalam akaun

b) Kesilapan berlaku apabila catatan dipindah

c) Kesilapan hitungan jumlah dalam Akaun Belum Terima & Akaun Belum Bayar

Format:							
<i>Hutang bertambah</i>		Akaun Kawalan Belum Terima				<i>Hutang berkurang</i>	
Tarikh	Butir	Folio	Jumlah	Tarikh	Butir	Folio	Jumlah
			RM				RM
	Baki	b/b	XX		Baki	b/b	XX
	Jualan	JJXX	XX		Diskaun Diberi	BTXX	XX
	Bank (Cek tak laku)	BTXX	XX		Kontra	BTXX	XX
	Diskaun Diberi dibatal	JAXX	XX		Bank	BTXX	XX
	Faedah	JAXX	XX		Pulangan Jualan	JPJXX	XX
	Baki	h/b	XX		Hutang Lapuk	JAXX	XX
			XX		Baki	h/b	XX
	Baki	b/b	XX		Baki	b/b	XX
<i>Hutang berkurang</i>		Akaun Kawalan Belum Bayar				<i>Hutang bertambah</i>	
Tarikh	Butir	Folio	Jumlah	Tarikh	Butir	Folio	Jumlah
			RM				RM
	Baki	b/b	XX		Baki	b/b	XX
	Diskaun Diterima	BTXX	XX		Belian	JBXX	XX
	Kontra	BTXX	XX		Angkutan Masuk	JAXX	XX
	Bank	BTXX	XX		Faedah	JAXX	XX
	Pulangan Belian	JPBXX	XX		Baki	h/b	XX
	Baki	h/b	XX				XX
	Baki	b/b	XX		Baki	b/b	XX

* Kontra berlaku apabila pembelian dan penjualan barang niaga secara kredit dengan peniaga yang sama.